

SIKAP DAN KEUPAYAAN KENDIRI PELAJAR DALAM KEMAHIRAN MENULIS TUGASAN AKADEMIK

Mohd Izzuddin bin Mohd Pisol

Mohd Salihin Hafizi bin Mohd Fauzi

Fakulti Pendidikan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
mohdizzuddin@kuis.edu.my, salihinhafizi@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan sikap dengan keupayaan pelajar dalam kemahiran menulis tugas akademik. Jumlah sampel kajian ini seramai 266 orang responden dalam kalangan pelajar sarjana muda di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Dapatan kajian ini diperolehi menggunakan kaedah tinjauan (survey) yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Hasil kajian yang diperolehi menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan sikap pelajar dalam melaksanakan kemahiran menulis tugas akademik berdasarkan jantina, semester pengajian dan minat terhadap kemahiran menulis. Namun begitu, terdapat perbezaan yang signifikan sikap pelajar dalam melaksanakan kemahiran menulis tugas akademik berdasarkan minat terhadap kemahiran menulis. Selain itu, hasil kajian yang diperolehi menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan keupayaan sendiri pelajar terhadap kemahiran menulis tugas akademik berdasarkan semester pengajian dan minat terhadap kemahiran menulis. Hasil kajian ini diharapkan akan memberikan cadangan tindakan yang perlu dilakukan kepada institusi pendidikan dalam meningkatkan kemahiran menulis dalam kalangan pelajar di peringkat pendidikan tinggi.

Kata Kunci : Sikap, Keupayaan, Kemahiran Menulis, Tugas Akademik

1.0 PENDAHULUAN

Menulis merupakan kemahiran bahasa yang tertinggi dan pelajar dapat menguasai kemahiran menulis karangan dengan baik mampu menguasai kemahiran mendengar, membaca dan menulis (Abdul Ghani, 2016; Yusfaiza & Mohd Ishah, 2012). Proses menulis memerlukan seseorang pelajar yang berfikir semasa merancang, semasa menulis dan selepas penulis dihasilkan (Yusfaiza & Mohd Ishah, 2012). Hal ini kerana, kemahiran menulis adalah merupakan suatu budaya intelek yang saling antara kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kemampuan menulis merupakan proses penyampaian maklumat yang bersifat mekanikal dan disalurkan secara bersistem iaitu mengambil kira matlamat, penggunaan bahasa, pembaca dan gaya penulisan (Abdul Rasid, 2011).

Namun begitu, permasalahan yang berlaku adalah persekolahan yang mengamalkan kurikulum yang kompleks, tidak prihatin kepada perbezaan keupayaan murid, guru terikat dalam menghabiskan sukatan pelajaran. Faktor kelemahan dalam menguasai kemahiran membaca dan menulis menyebabkan murid berasa rendah diri dan masalah disiplin merosot. Melalui aktiviti projek penulisan, murid dapat meningkatkan penguasaan terhadap kemahiran menulis melalui pembinaan bahan penulisan, disamping meningkatkan keupayaan murid mengemukakan idea dengan kreatif, mereka bentuk dan menggunakan bahasa yang bersesuaian. (Yahya & Suzanawaty, 2014).

Penulisan merupakan aspek penting dalam menyusun dan membina sesuatu ayat yang melibatkan kebolehan menggunakan tatabahasa yang betul seperti teknik dan gaya. Kemahiran menulis harus disokong oleh faktor luaran dan dalaman. Faktor dalaman antaranya berasaskan sikap dan penerimaan individu terhadap kepentingan kemahiran menulis. Sikap boleh disimpulkan dari cara seseorang individu itu bertingkah laku. Sikap memainkan peranan yang penting untuk mencapai kejayaan di dalam sesuatu perkara atau usaha (Yahaya et al., 2007). Satu sesi pengajaran yang baik perlu melibatkan kemahiran guru memadankan kaedah pengajaran dengan objektif pembelajaran pelajar dan juga gaya pembelajaran mereka (Hashim Yaakub, 2003).

Hasil dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Abdul Aziz & Tengku Ahmad (2011) mendapati aspek sikap yang mempengaruhi keberkesanan penggunaan Bahasa Inggeris berada pada tahap sederhana. Hal ini menunjukkan pelajar bersetuju bahawa faktor sikap dapat mempengaruhi keberkesanan penggunaan Bahasa Inggeris. Secara keseluruhannya ramai pelajar tidak berapa minat Bahasa Inggeris tetapi mereka mempelajarinya kerana ia berguna.

Selain itu, keupayaan sendiri pelajar dilihat sebagai satu faktor dalam meningkatkan kemahiran menulis. Keupayaan sendiri boleh didefinisikan sebagai penilaian seseorang ke atas dirinya sendiri atau bagaimana ia menganggap tentang dirinya sendiri sama ada secara positif atau negatif. Ia berkait rapat dengan perasaan kita terhadap kebolehan kita, perkara yang berlaku pada diri kita dan perkara yang akan berlaku pada diri kita. Dalam kajian H.W.Marsh dan R.J.Shavelson (1985) mendapati bahawa pelajar-pelajar mempunyai beberapa konsep sendiri yang berbeza-beza tetapi saling berkaitan. Konsep sendiri mereka terbentuk oleh konsep-konsep sendiri lain yang lebih spesifik.

Kompetensi menulis bahan ilmiah berkait rapat dengan kepandaian pelajar melalui hasil ilmiah yang disediakan. Literasi merujuk kepada kebolehan minimum menggunakan kemahiran membaca dan menulis dalam memenuhi kehidupan seharian dan keperluan asas setiap individu (Hashim, 2005). Kemahiran menulis adalah sebahagian kemahiran literasi dan hak asasi individu yang menjadi kewajipan kepada kerajaan untuk memberikan peluang dalam mempelajari kemahiran menulis (Hashim, 2005).

Dapat disimpulkan bahawa kemahiran menulis memerlukan pelajar yang mampu untuk mengingat bahan bacaan dan menganalisis serta merumuskan bahan bacaan dalam suatu penulisan yang dihasilkan agar perkembangan kognitif pelajar sentiasa berkembang. Masalah yang dihadapi oleh guru adalah kurang pendedahan yang diberikan kepada pelajar tentang teknik penulisan, kurang keyakinan guru untuk mengajar teknik penulisan kerana kurang pengalaman, sumber pengajaran dan rujukan khusus dalam teknik penulisan agak terhad di pasaran.

Kesimpulannya, pengkaji berhasrat untuk mengenalpasti sikap dan keupayaan diri pelajar terhadap kemahiran menulis dalam tugas akademik selain meningkatkan kemahiran sedia ada dan seterusnya membantu dalam penulisan akademik.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Menganalisis perbezaan sikap dengan keupayaan sendiri pelajar dalam melaksanakan kemahiran menulis tugas akademik.

3.0 PERSOALAN KAJIAN

Adakah terdapat perbezaan sikap dengan keupayaan sendiri pelajar dalam melaksanakan kemahiran menulis tugas akademik.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian lapangan ini telah dijalankan terhadap pelajar-pelajar yang mengikuti kursus ijazah sarjana muda dalam kalangan pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Sampel kajian ini adalah seramai 266 orang responden sahaja. Kesemua responden dalam kajian ini merupakan pelajar program pengajian di peringkat sarjana muda.

Kajian ini berbentuk tinjauan menggunakan instrumen soal selidik sebagai data utama dengan menggunakan persampelan rawak mudah. Manakala, analisis data inferensi digunakan untuk membuat inferensi daripada sampel kepada populasi. Menurut Julie (2007), ujian statistik dijalankan untuk mengetahui tahap pengurusan mengenai sesuatu penemuan sama ada berlaku secara kebetulan atau dipengaruhi oleh sesuatu pemboleh ubah.

Kajian ini dijalankan untuk menganalisis inferensi yang digunakan oleh pengkaji bagi mengenalpasti perbezaan skor min pembolehubah bersandar berdasarkan faktor pembolehubah tidak bersandar yang mempunyai dua kumpulan sahaja iaitu berdasarkan jantina. Dalam kajian ini, ujian-t digunakan untuk melihat perbezaan min sikap dan keupayaan dalam melaksanakan kemahiran menulis tugas akademik berdasarkan jantina. Manakala Anova Satu Hala digunakan untuk menganalisis perbezaan yang melebihi dua set skor. Keputusan ANOVA adalah untuk menguji hipotesis semester pengajian dan minat terhadap kemahiran menulis.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan dalam kajian ini akan membincangkan terhadap dua pembolehubah terhadap pelaksanaan kemahiran menulis dalam tugas akademik. Berikut adalah seperti dibawah:

5.1 Sikap Pelajar Terhadap Pelaksanaan Kemahiran Menulis Tugas Akademik Berdasarkan Jantina, Semester Pengajian Dan Minat.

5.1.1 Sikap Pelajar Terhadap Pelaksanaan Kemahiran Menulis Tugas Akademik Berdasarkan Jantina

Keputusan ujian-t bagi skor min sikap pelajar terhadap pelaksanaan kemahiran menulis tugas akademik berdasarkan jantina

Kumpulan	Bil	Min	Sp	nilai t	sig. (p)
Lelaki	118	3.681	0.623	0.364	0.416
Perempuan	148	3.655	0.564	0.360	

* Signifikan pada aras 0.05

Untuk melihat perbezaan sikap pelajar terhadap pelaksanaan kemahiran menulis tugas akademik berdasarkan jantina dengan lebih jelas, perbandingan skor min antara pelajar lelaki dan perempuan dilakukan. Jadual di atas menunjukkan keputusan ujian-t untuk membandingkan skor min amalan pengajaran guru menggunakan bahan bantu mengajar berdasarkan jantina. Analisis skor min di atas menunjukkan bahawa skor min bagi pelajar lelaki (min=3.681, sp.=0.623) adalah lebih tinggi berbanding skor min pelajar perempuan (min=3.655, sp=0.564).

Berdasarkan analisis data yang telah dibuat, nilai t bagi sikap pelajar terhadap pelaksanaan kemahiran menulis tugas akademik berdasarkan jantina pelajar lelaki dan pelajar perempuan berada pada tahap signifikan $p=0.416$. Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ($p>0.05$). Oleh itu, tidak terdapat perbezaan yang sikap pelajar terhadap pelaksanaan kemahiran menulis tugas akademik antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Hal ini menjelaskan bahawa sikap pelajar terhadap pelaksanaan kemahiran menulis tugas akademik berdasarkan jantina adalah sama.

Dalam kajian Nurul Aisyah (2011) menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi penulisan karangan bahasa Melayu. Dapatan ini serupa dengan kajian yang dilakukan oleh Yusfaiza et. al (2012) terhadap penggunaan Jigsaw II dalam penulisan karangan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara responden lelaki dan perempuan

5.2 Sikap Pelajar Terhadap Pelaksanaan Kemahiran Menulis Tugas Akademik Berdasarkan Semester Pengajian

Hasil ujian ANOVA Satu Hala menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan sikap pelajar terhadap pelaksanaan kemahiran menulis tugas akademik berdasarkan semester pengajian berdasarkan seperti yang ditunjukkan oleh nilai F (1.042) dan $p = 0.406 > 0.05$. Oleh itu, hipotesis nol diterima. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan berkaitan sikap pelajar terhadap pelaksanaan kemahiran menulis tugas akademik berdasarkan semester pengajian.

Keputusan ujian ANOVA satu hala bagi perbezaan skor min perbezaan yang signifikan sikap pelajar terhadap pelaksanaan kemahiran menulis tugas akademik berdasarkan semester pengajian

Kumpulan	JKD	Dk	MKD	F	sig. (□)
Antara Kumpulan	133.468	63	2.119	1.042	0.406
Dalam Kumpulan	410.682	202	2.033		

* Signifikan pada aras 0.05

Selain itu dapatan menunjukkan pelajar tidak melaksanakan kemahiran menulis dalam tugas akademik berdasarkan setiap semester pengajian. Faktor ini mendorong bahawa pelajar mengambil masa yang lama untuk menyiapkan penulisan akademik. Dalam kajian Rofian et.al (2016) menyatakan pelajar mengambil masa yang lama untuk menyiapkan tugas akademik kerana pelajar masih lemah dalam mengarang.

Dalam kajian Rosni Samah (2012) menegaskan kelemahan pelajar itu telah membawa kepada kesukaran menyiapkan sebuah karangan bahasa Arab dan ia adalah satu masalah yang berkaitan dengan kebolehan mereka dalam menggunakan kemahiran yang ada dalam mengarang seperti merancang,

menghasilkan dan menyusun idea, mengembang idea samada idea utama mahupun sokongan, membuat pemerenggan seterusnya menghasilkan karangan yang lengkap

5.3 Sikap Pelajar Terhadap Pelaksanaan Kemahiran Menulis Tugas Akademik Berdasarkan Minat

Hasil ujian ANOVA Satu Hala menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan sikap pelajar terhadap pelaksanaan kemahiran menulis tugas akademik berdasarkan minat seperti yang ditunjukkan oleh nilai F (3.698) dan $p < 0.05$. Oleh itu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan berkaitan sikap pelajar terhadap pelaksanaan kemahiran menulis tugas akademik berdasarkan minat.

Keputusan anova satu hala bagi skor min sikap pelajar terhadap pelaksanaan kemahiran menulis tugas akademik berdasarkan minat

Kumpulan	JKD	Dk	MKD	F	sig. (p)
Antara Kumpulan	90.807	63	1.441	3.698	0.000
Dalam Kumpulan	78.730	202	0.390		

* Signifikan pada aras 0.05

Di samping itu, dapatan menunjukkan pelajar sangat meminati terhadap kemahiran menulis dalam tugas akademik. Ini mendorong pelajar lebih bersikap positif dan menunjukkan minat terhadap melaksanakan tugas akademik dengan lebih baik.

Abu Bakar (1994) pula menyatakan seseorang yang berminat dalam perkara yang dipelajari lazimnya akan menunjukkan kesungguhan dan pencapaian yang tinggi. Oleh itu minat perlu ditanamkan dalam diri murid itu sendiri. Keseronokan belajar akan meningkatkan minat dan ia boleh dipertingkatkan lagi dengan penyertaan dan dorongan ibubapa, guru dan rakan-rakan di dalam proses pembelajaran.

5.4 Keupayaan Kendiri Pelajar Dalam Melaksanakan Kemahiran Menulis Tugas Akademik Berdasarkan Jantina, Semester Pengajian Dan Minat.

5.4.1 Keupayaan Kendiri Pelajar Dalam Melaksanakan Kemahiran Menulis Tugas Akademik Berdasarkan Jantina

Keputusan ujian-t bagi skor min keupayaan kendiri pelajar dalam melaksanakan kemahiran menulis tugas akademik berdasarkan jantina

Kumpulan	Bil	Min	Sp	nilai t	sig. (p)
Lelaki	167	3.704	0.597	1.620	0.371
Perempuan	260	3.590	0.554	1.607	

* Signifikan pada aras 0.05

Untuk melihat perbezaan keupayaan kendiri pelajar dalam melaksanakan kemahiran menulis tugas akademik berdasarkan jantina dengan lebih jelas, perbandingan skor min antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dilakukan. Analisis skor min di atas menunjukkan bahawa skor min bagi pelajar perempuan (min=3.590, sp.=0.554) adalah lebih rendah berbanding skor min pelajar lelaki (min=3.704, sp=0.597). Berdasarkan analisis data yang telah dibuat, nilai t bagi keupayaan kendiri pelajar dalam melaksanakan kemahiran menulis tugas akademik berdasarkan jantina antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan berada pada tahap signifikan $p=0.371$.

Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 ($p > 0.05$). Oleh itu, tidak terdapat perbezaan yang signifikan berkaitan keupayaan kendiri pelajar dalam melaksanakan kemahiran menulis tugas akademik berdasarkan jantina antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Hal ini, keupayaan kendiri pelajar dalam melaksanakan kemahiran menulis tugas akademik antara guru lelaki dan perempuan adalah sama. Berdasarkan daripada dapatan dapat menunjukkan bahawa keupayaan kendiri lelaki dan perempuan

adalah sama. Ini jelas dapat diuraikan bahawa sikap pelajar lelaki dan perempuan tidak begitu menyerlah dalam melakukan tugas akademik.

5.4.2 Keupayaan Kendiri Pelajar Dalam Melaksanakan Kemahiran Menulis Tugas Akademik Berdasarkan Semester Pengajian.

Hasil ujian anova satu hala menunjukkan bahawa tidak terdapat keupayaan sendiri pelajar dalam melaksanakan kemahiran menulis tugas akademik berdasarkan semester pengajian seperti yang ditunjukkan oleh nilai $f(1.488)$ dan $p = <0.05$. Oleh itu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan keupayaan sendiri pelajar dalam melaksanakan kemahiran menulis tugas akademik berdasarkan semester pengajian.

Keputusan anova satu hala bagi skor min keupayaan sendiri pelajar dalam melaksanakan kemahiran menulis tugas akademik berdasarkan semester pengajian

Kumpulan	JKD	Dk	MKD	F	sig. (p)
Antara Kumpulan	95.076	2	2.881	1.488	0.00
Dalam Kumpulan	449.075	232	1.936		

* Signifikan pada aras 0.05*

Selain itu, dapatan menunjukkan keupayaan sendiri pelajar terhadap melakukan tugas akademik bagi setiap semester sangat menyerlah. Ini menunjukkan bahawa pelajar mampu dalam menguruskan tugas akademik bagi setiap tugas yang diberikan mengikut semester pengajian.

5.4.3 Keupayaan Kendiri Pelajar Dalam Melaksanakan Kemahiran Menulis Tugas Akademik Berdasarkan Minat.

Hasil ujian Anova satu hala menunjukkan bahawa tidak terdapat keupayaan sendiri pelajar dalam melaksanakan kemahiran menulis tugas akademik berdasarkan semester pengajian seperti yang ditunjukkan oleh nilai $f(1.541)$ dan $p < 0.05$. Oleh itu, hipotesis nol ditolak. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan keupayaan sendiri pelajar dalam melaksanakan kemahiran menulis tugas akademik berdasarkan minat.

Keputusan anova satu hala bagi skor min keupayaan sendiri pelajar dalam melaksanakan kemahiran menulis tugas akademik berdasarkan minat

Kumpulan	JKD	Dk	MKD	F	sig. (p)
Antara Kumpulan	90.807	63	1.441	3.698	0.000
Dalam Kumpulan	78.730	202	0.390		

* Signifikan pada aras 0.05

Daripada hasil dapatan menunjukkan bahawa keupayaan sendiri pelajar mempengaruhi minat dalam melaksanakan kemahiran menulis. Ini menunjukkan bahawa kebolehan keupayaan sendiri pelajar dapat meningkatkan lagi minat pelajar terhadap kemahiran menulis dalam tugas akademik. Dalam kajian Candy (1991) dan Garrison (1997) menyatakan bahawa kebolehan pelajar dalam pengurusan diri (self-management) dan pemantauan diri (self-monitoring) akan membantu pelajar menguruskan tugas dan bahan tambahan yang diberikan.

6.0 KESIMPULAN

Kemahiran menulis adalah tugas akademik yang perlu dipupuk daripada awal sesi pengkuliah agar keupayaan sendiri pelajar semakin berkembang. Menurut Abd Rasid Jamain (2011) kemahiran menulis merupakan suatu budaya intelek yang saling melengkapi antara kemahiran membaca dengan menulis. Keupayaan menulis merupakan proses penyaluran maklumat yang bersifat mekanikal dan disalurkan secara bersistem iaitu mengambil kira matlamat, penggunaan bahasa, audiens, dan gaya penulisan.

Selain itu faktor minat pelajar terhadap kemahiran menulis juga mampu meningkatkan keupayaan sendiri pelajar. Minat merupakan suatu sifat afektif pada diri seseorang yang akan menjadi faktor utama mempengaruhi pelajar untuk belajar (Mok, 2004). Pada kebiasaannya, pelajar yang tergolong daripada peringkat remaja lebih cenderung melakukan perkara-perkara yang diminatinya sahaja.

Justeru, walaupun kajian ini mampu memenuhi objektif meningkatkan penglibatan pelajar dan tanggungjawab sendiri terhadap kemahiran menulis dalam tugas akademik. Diharapkan kajian ini dapat membantu pelajar dalam mengatasi sikap dan keupayaan pelajar dalam kemahiran menulis tugas akademik.

7.0 RUJUKAN

- Abu Bakar Nordin. (1994). Cabaran Pendidikan Guru : Falasafah dan Strategi Dalam Pembentukan Guru yang Unggul. Prosiding Seminar JKLKAU ke-9 Kajang: Masa Enterprise.
- Abdul Aziz, N. A. & Tengku Ahmad, T. A. H. D. (2011) Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penggunaan Bahasa Inggeris Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Jabatan Perdagangan, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin.
- Abdul Ghani, J. (2016). Murid Berprestasi Rendah. International Seminar on Generating Knowledge Through Research, 1(October), 1–8. <https://doi.org/10.21070/picccrs.v1i1.637>
- Alias Baba (1997). Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizi Yahaya; Asmah Suboh; Zurihanmi Zakaria; Fawziah Yahya (2005). “Aplikasi Kognitif dalam Pendidikan” Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing. Kuala Lumpur.
- Candy, P. C. (1991). Self-direction for lifelong learning: A comprehensive guide to theory and practice. San Francisco: Jossey-Bass
- Hasim, J (2003). Pandangan Pelajar Tingkatan 1 Sekolah Menengah Luar Bandar Terhadap Pengajaran Guru Mata Pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Hashim, O. (2005). Penilaian Tahap Penguasaan Kemahiran Menulis Dalam Bahasa Melayu Murid Sekolah Kebangsaan Kebolehpercayaan Instrumen. Kertas Kerja Persidangan Serantau Pendidikan Bahasa Melayu Bertema Merekayasa Pendidikan Bahasa Melayu Untuk Mendepani Cabaran Semasa, (September), 1–16.
- [Pallant, Julie \(2007\). SPSS Survivor Manual: A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS Windows \(version 15\). McGraw Hill. Open University Press.](#)
- Rasid, J. A. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 1(1), 1–12. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/2528/>
- M.Rofian.I, A.Redzaudin.G, K.Akmar.A.Latif, Muhammad.D. (2016). Kebolehan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua Dalam Kemahiran Menulis Karangan. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah 2016 (Irsyad 2016)
- Rosni Samah. (2012). Pembinaan Ayat Bahasa Arab dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama. GEMA Online® Journal of Language Studies. Vol. 12(2), 555- 569.
- Yahaya, A., Ramli, J. & Boon, Y. (2007). Sumbangan Sikap Terhadap Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Bahasa Inggeris: Sejauh Manakah Hubungan Ini Relevan?
- Yahya, O., & Suzanawaty, P. O. D. (2014). KEUPAYAAN MENGUASAI KEMAHIRAN MENULIS MELALUI PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK DALAM PENULISAN BERBENTUK RISALAH DI SEKOLAH RENDAH (The Ability to Master the Writing Skills Through Project Based Learning in Writing Brochure in the Primary School). Malay Language Education Journal – MyLEJ, 4(1), 2180–4842. Retrieved from http://journalarticle.ukm.my/7110/1/19-29_Yahya_et_al.UKM.pdf
- Zaleha, A. (2014). Kemahiran menulis: Peningkatan kemahiran dalam kalangan pelajar melalui program “tinta emas.” Seminar Bahasa Melayu, 146–155.